

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Essential PrimeGuard

(Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Essential PrimeGuard. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah pelan endowment tanpa penyertaan dalam keuntungan Syarikat dengan pembayaran premium selama 5 tahun. Polisi ini menawarkan simpanan dan perlindungan insurans untuk 10 tahun. Ia akan memberi pembayaran sekaligus apabila berlakunya kematian atau apabila Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) semasa tempoh polisi. Di samping itu, polisi ini juga mempunyai manfaat kematangan terjamin, dengan syaratnya polisi ini masih berkuat kuasa.

Polisi ini tidak menyertai dalam keuntungan Syarikat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan??

Polisi ini melindungi:

- i. Kematian / HUMK - RM
- ii. Manfaat Kematangan - RM

Nota

- Perlindungan untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan berhenti apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun dan ke atas.
- Maksimum jumlah diinsuranskan bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tertakluk kepada RM3 juta di bawah semua polisi bagi orang yang sama.
- Sila rujuk ilustrasi jualan yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat terperinci.

Tempoh: Sehingga berlakunya kematian, HUMK, penyerahan, pembatalan, atau tamat tempoh polisi iaitu 10 tahun, tertakluk kepada yang mana lebih awal.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Anggaran premium pelan asas yang perlu anda bayar: < Jumlah Premium >

Tempoh premium: 5 tahun.

Sila rujuk Halaman 1 tentang ilustrasi jualan bagi anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar.

Nota:

- Polisi ini memberikan tempoh penangguhan selama 30 hari, yang membenarkan tambahan tempoh pembayaran premium selepas tarikh genap tempoh tersebut.
- Perlindungan yang disenaraikan di atas merujuk kepada risiko standard sahaja.
- Premium bagi produk ini adalah terjamin.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Tiada.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi pemberitahuan secara bertulis kepada kami dalam tempoh masa 15 hari selepas penyerahan dokumen polisi kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak apa-apa fi perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Kematian
 - Perbuatan membunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula bagi polisi hayat ini, yang mana berlaku terkemudian.
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman).
 - Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami ketika di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan.
 - Kecederaan yang dialami ketika menyertai pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan yang berbahaya.
 - Apa-apa aktiviti penerbangan (kecuali apabila membuat perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pesawat udara yang dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Antarabangsa dan dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang mengikut laluan komersil berjadual yang biasa).
 - Membuat pelayaran di dalam kapal selam.
 - Berkhidmat dalam angkatan tentera, pasukan polis, tentera laut atau aeronautik.
 - Apa-apa bentuk hilang upaya (HUMK) yang dialami sebelum atau pada tarikh mula berkuat kuasa atau pengembalian semula polisi.
 - Rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas.
 - Pencabulan undang-undang atau tentangan semasa ditahan.
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV).

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda boleh luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang akan kurang daripada keseluruhan jumlah premium yang telah anda bayar. Polisi ini memberikan nilai tunai terjamin bermula dari tahun polisi pertama.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mesti memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan alamat dan nombor telefon anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Hayat' yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu naskah daripada ejen insurans atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2059 6188
Fax : 03-2162 8068
E-mail : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Tiada.

MAKLUMAN PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat 12/10/2018.

Pelan insurans ini adalah ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad (457556-X), salah satu syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad (6171-M) adalah pengedar bagi pelan insurans ini yang berada di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.